

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (SINAR NEGERI KEDAH)

TARIKH: 10 DISEMBER 2019

MUKA SURAT: 34

Syarikat didenda RM18,000 longgok sampah secara haram

SUNGAI PETANI - Sebuah syarikat didenda RM18,000 oleh Mahkamah Sesyen 2 Sungai Petani semalam atas kesalahan melonggokkan sisa pepejal secara haram pada tahun 2018.

Hakim Priscilla Hemamalini membuat keputusan tersebut selepas pemilik syarikat terbabit mengaku salah atas kesalahan melonggokkan sisa pepejal secara haram.

Hukuman denda sebanyak RM18,000 atau 10 bulan penjara jika gagal bayar denda dikenakan ke atas syarikat itu atas kesalahan dilakukan di bawah Seksyen 71(1) Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672).

Mengikut fakta kes, syarikat terbabit dituduh di bawah Seksyen 71(1) Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 71(8) akta yang sama.

Berdasarkan kertas pertuduhan, lori milik syarikat didakwa melonggokkan sisa pepejal terkawal jenis



Pemilik syarikat membayar denda selepas mengaku bersalah atas kesalahan melonggokkan sisa pepejal secara haram di mukim Sungai Pasir pada tahun 2018.

pembinaan sebagaimana yang dinyatakan di bawah tafsiran Seksyen 2 Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 di mukim Sungai Pasir dalam Kuala Muda pada 26 September 2018.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), Ikrom Dolwahit manakala tertuduh diwakili peguam A Premanand.

Pengarah Perbadanan

Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Kedah, Zaidi Tuah berkata, pihaknya sedang giat memantau aktiviti pembuangan sisa pepejal secara haram.

Zaidi berkata, sabit kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada RM10,000 dan tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada 6 bulan dan tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya.